

# PENGGUNAAN BERHIERARKI BERTERASKAN ISLAM: TINJAUAN KARYA DALAM KONTEKS KONVENSIONAL DAN ISLAM

## ISLAMIC BASED HIERARCHICAL CONSUMPTION: LITERATURE REVIEW IN CONVENTIONAL AND ISLAMIC CONTEXTS

Basri Abd.Ghani<sup>1</sup>  
Ahmad Azrin Adnan<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu.  
Email: basripulaukerengga@gmail.com

**Accepted date:** 10 August 2017

**Published date:** 12 October 2017

### To cite this document:

Adnan, A. A., & Ghani, B. A. (2017). Penggunaan Berhierarki Berteraskan Islam: Tinjauan Karya Dalam Konteks Konvensional Dan Islam. *The Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2 (5), 65-78.

---

**Abstrak:** Artikel ini bertujuan untuk meneliti kedudukan karya tentang penggunaan berhierarki berteraskan Islam (PBB) dalam bidang gelagat pengguna Islam (GPI) dan konvensional. Perbincangan tentang GPI agak luas cakupannya. Oleh kerana PBB dilihat sebagai pokok kupasan GPI, setakat manakah meluasnya karya tentang PBB? Kertas kerja ini cuba menanggapi persoalan ini berdasarkan sumber sekunder klasik dan kontemporari. Ia sekali gus membentuk pemetaan karya tentang PBB dalam keseluruhan karya tentang GPI. Dengan demikian, tertonjol jurang karya dan justifikasi penelitian tentang PBB.

**Kata Kunci:** Gelagat Pengguna.

**Abstract:** This article aims to examine the position of the literatures on the Islamic-based hierarchical consumption (IBHC) in the field of Muslim consumer behavior (MCB) and conventional sphere. The elucidation on MCB is rather extensive in scope. Since IBHC is deemed to be the source for the MCB, how far do the literatures cover the IBHC? This paper attempts to address these issues based on secondary classical and contemporary sources. It thus formed an outline for the writings on IBHC in the literatures on MCB as a whole. As such, the literature gap and research justification on IBHC will surface.

---

## **Pendahuluan**

Fenomena semasa memaparkan masalah sosioekonomi terlalu banyak membelenggu masyarakat sama ada di peringkat dunia dan tempatan dengan hutang isi rumah, kemuflihan, inflasi, pembaziran, pengangguran dan sebagainya. Misalnya isu *sub prima* iaitu krisis hutang dalam industri mortgage Amerika mengakibatkan 9.2 juta rakyatnya berada di bawah garis kemiskinan, 700,000 tidak mempunyai tempat tinggal (Engku Rabiah, 2013), kemudiannya merebak ke Sepanyol, Greece, Belgium, Hungary, England dan Portugal (Dewan Ekonomi, Mac 2012). Masalah yang sama berlaku di Malaysia, misalnya pada akhir 1995, hutang isi rumah rakyat Malaysia mencecah RM 883.5 billion (Berita Harian, 2014), statistik kemuflihan meningkat kepada 97,215 mulai tahun 2012-2016 (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2016). Data-data di atas membuktikan aktiviti-aktiviti penggunaan yang selalunya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tetapi sebaliknya mendatangkan tekanan hidup yang tidak berkesudahan. Tambahan pula institusi perbankan terus berusaha mengaut keuntungan tanpa menafikan masyarakat pula tidak mempunyai pertimbangan kehierarkian dalam perbelanjaan penggunaan mereka. Ini bermakna aktiviti penggunaan yang melampau serta tidak seimbang tanpa mengikut kehierarkian yang sebenar berlandaskan syariat akan mewujudkan kegawatan kepada kehidupan berekonomi samada di peringkat antarabangsa mahupun tempatan.

## ***Kajian-kajian lepas***

Secara keseluruhannya perbincangan kajian-kajian lepas berkait gelagat pengguna berhierarki boleh dikelompokkan dalam tiga pembahagian iaitu pertama kajian gelagat pengguna dalam ekonomi konvensional, kedua gelagat pengguna berteraskan Islam dan yang ketiga analisis kajian-kajian lepas.

## ***Gelagat pengguna konvensional***

Berdasar kajian gelagat penggunaan dalam teori-teori konvensional, sekurang-kurangnya ada enam pola perbincangan yang boleh dirumuskan. Di antaranya ialah seperti berikut:

- i. Pertama, konsep penggunaan berhierarki bukan suatu isu yang baru, kajiannya telah bermula sejak zaman plato lagi iaitu pada tahun 369D. Soal pilihan, kemahuan serta keperluan dirangkum di bawah struktur hierarki penggunaan. Kajian ini menjadi perintis kepada penggunaan berhierarki, ia dijelaskan oleh S.A Drakopoulos (1990). Beliau memetik bahawa Plato menyatakan : “ *But the first and the geartest of our needs is the provision of food to support existence and life.....the second the provisison of dwelling-place and the third of clothing and so on..*” Idea besar ini muncul di era *pre-classical* sebagai satu aspek kefahaman mengenai keperluan yang selari dengan kehidupan manusia yang bergantung hidup kepada tiga kehierarkian, iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Keperluan ini amat penting untuk kehidupan, tanpanya manusia menjadi pincang.

- ii. Kedua, Marshall (1890) dan Bhende *et.al* (1975) dalam penulisan mereka mengemukakan tentang pembahagian kategori barangan dan perkhidmatan yang dikehendaki oleh manusia kepada tiga bahagian iaitu keperluan asas, keperluan untuk keselesaan dan kemewahan. Keupayaan untuk memenuhi tingkatan tertentu keperluan-keperluan ini mempunyai kaitan rapat dengan status ekonomi seseorang. Diulaskan oleh pengkaji di atas bahawa keperluan asas adalah kehendak primer masyarakat tanpanya kehidupan terjejas, misalnya tanpa makanan manusia boleh mati, tanpa pakaian tidak boleh bergerak dalam masyarakat, tanpa rumah kehidupan terganggu, semuanya dianggap keperluan biologikal untuk kewujudan.
- iii. Ketiga, kajian oleh Ghafarullah (2003), keperluan secara berhierarki ini tidak sahaja berlegar kepada barangan asas, keselesaan dan kemewahan sahaja tetapi ada lagi penambahan oleh ahli-ahli ekonomi konvensional sebagai keperluan-keperluan untuk kecekapan dan keperluan-keperluan semasa. Barangan kecekapan ialah yang membantu pekerja meningkatkan keefisienan dengan penggunaan peralatan atau pendekatan yang canggih. Sementara keperluan semasa ialah merujuk kepada adat dan budaya semasa sesebuah masyarakat.
- iv. Empat, kajian oleh Irna Tikkanen (2007), mengulas teori hierarki Maslow dan pelancongan makanan di Finland mendapati hierarki penggunaan dalam teori Maslow tersusun kepada lima set prioriti iaitu keperluan asas mencakupi fisiologi, keselamatan, cinta, harga diri dan kepuasan (aktualisasi diri). Keperluan industri makanan di Finland turut dimotivasikan oleh pendekatan hierarki penggunaan dalam *Maslow's hierarchy of needs*. Di mana sebagai titik permulaan bagi teori motivasi adalah pemacu fisiologi. Kononnya, seseorang yang kekurangan makanan, keselamatan, kasih sayang dan diri akan mungkin mengidamkan makanan yang lebih banyak daripada keperluan-keperluan lain. (Stephens, 2000). Holloway(1998) menyebut manusia amat memerlukan keperluan asas, contohnya. makanan, air, udara.
- v. Kelima, kajian oleh Chairat *et. al* (2011) dalam “Pemasaran Komuniti : Ramuan Penting bagi Membangun Komuniti Muslim di Selatan Thailand”, dari pelbagai pendekatan teori serta konsep yang digunakan untuk membangun komuniti Islam di Selatan Thailand, ialah menguna pakai Maslow's Needs Hierarchy, cuma diubahsuai tangga kehierarkian yang telah dibangun oleh Maslow dengan pendekatan yang *Islamik*, misalnya tangga yang paling bawah iaitu *Physiological* diubah kepada Aqidah yang benar, *Safety* ditukar kepada *Tarbiyyah*, *Sense Belonging* kepada *Ukhuwwah Islamiyyah*, *Esteem* kepada Kesepaduan pengetahuan dan yang tertinggi iaitu *Self-actualization* kepada Mendekati Allah dan Rasul.
- vi. Keenam, Khurshid Ahmad (1991), berasaskan kajian beliau mendapati teori perilaku pengguna ini dilahirkan oleh pemikir-pemikir barat selepas kemunculan sistem ekonomi kapitalisme yang bertunjangan *rasionalisme* dan *utilitarianisme* ekonomi. *rasionalisme* menjelaskan bahawa manusia membuat perhitungan teliti untuk meraih kejayaan ekonomi. Kejayaan ekonomi di sini ialah ketangkasan manusia menghasilkan wang. Kuasa beli wangleh yang berperanan untuk mencapai kepuasan daripada utiliti barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh manusia.

Kesimpulan daripada keenam-enam pola perbincangan di atas, apa yang cuba diteliti oleh pengkaji menunjukkan betapa penting susun atur keperluan barangan dan perkhidmatan dalam suatu keheirarkian demi kepentingan kesejahteraan sosio-ekonomi serta budaya masyarakat.

### ***Gelagat pengguna Islam***

Islam menggariskan keperluan manusia terbahagi kepada tiga jenis iaitu keperluan asas, kemudahan dan kemewahan (Manan, 1986). Penentuan keheirarki sesuatu kemahuan di dalam aktiviti penggunaan Islam diasaskan kepada konsep *masalahah* yang telah dibincangkan oleh para fuqaha'. Abu Ishaq al-Shatibi (1984) salah seorang fuqaha' ada membincangkan teori objektif syariah secara mendalam antara :

- i. Objektif syariat mengandungi asas-asas kebaikan, kebajikan serta kelebihan yang telah ditetapkan oleh syariat Allah.
- ii. Objektif syariat juga adalah untuk mengelakkan kesukaran, kesulitan, kerugian dan apa sahaja musibah kepada makhluk terutama berkaitan *masalih al-ibad*.

Al-Syatibi menerusi kitabnya *al-Muwafaqat* mengklasifikasikan objektif syariat boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Majoriti ulama'-ulama' Islam terutama al-imam al-(Tarmizi, 478H), (Imam al-Ghazali, 505H), (al-Amidi, 631H), (al-Qarafi, 648), (Ibnu Taimiyyah dan al-Shawkani, 1255H) meletakkan *maqasid* syariat sebagai asas yang kukuh kepada sistem hidup Islam. Terutamanya dalam menjaga kepentingan agama, akal, jiwa, akal dan keturunan (Kamali, 1999).

Dalam hal ini, Yusuf Qaradhawi (2002), telah merumuskan tiga susunan atau keutamaan berdasarkan kesepakatan ulama usul. Pertama ialah perkara yang darurat (*al-daruriyyat*). Kedua ialah perkara yang diperlukan (*al-hajiyyat*) dan ketiga ialah perkara yang menjadi pelengkap (*al-tahsiniyyat*). Menurut beliau, Islam menuntut umatnya agar mendahulukan perkara-perkara yang berhubung dengan *al-daruriyyat* berbanding *al-hajiyyat* dan *al-tahsiniyyat*. Begitu juga harus mendahulukan *al-hajiyyat* berbanding *al-tahsiniyyat*. Dalam perkara *al-daruriyyat* khususnya, para ulama usul membahagikannya kepada lima bahagian yang mesti didahulukan mengikut susunan, iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan harta benda. Terdapat juga sebahagian ulama yang menambah bahagian keenam, iaitu memelihara nama baik.

Saiful Azhar (1986) menghuraikan dari sudut perspektif ekonomi, semua barangan dan perkhidmatan mempunyai masalahah untuk menjaga lima perkara tersebut, serta merupakan keperluan kepada manusia dan dianggap sebagai barangan perlu untuk aktiviti penggunaan. Oleh itu tumpuan penawaran barangan asas (*daruriyyat*) perlu dibuat supaya pengguna berpendapatan rendah dapat diutamakan secukupnya terutama dalam suasana penawaran, dan harga yang sentiasa meningkat (Chamhuri. et. al., 2000).

Namun realitinya majoriti pengguna Muslim tidak berbelanja mengikut hierarki keutamaan kerana utamakan kepuasan diri dan membazir jelas bercanggah dengan ketetapan syarak (Wan Sabri *et al*, 1996). Ini terbukti apabila keadaan ekonomi stabil dan berkembang pesat, misalnya di akhir tahun 90an, mereka ghairah berbelanja mengikut dorongan nafsu dan bersifat individualistik. (Nabsiah, 2000) dengan lain perkataan berbelanja berasaskan kepuasan diri dengan mengenyepikan

barangan asas (*daruriyyat*) yang sepatutnya dipenuhi terlebih dahulu. Apabila kegawatan ekonomi berlaku golongan berpendapat rendahlah yang paling terjejas (Chamhuri et. al, 2000)

Ini jelas, ekonomi Islam menolak sama sekali andaian permasalahan ekonomi dikaitkan terhadapnya sumber-sumber ekonomi. Pokoknya persoalan istilah kehendak atau keinginan digambarkan sebagai keperluan dalam ekonomi konvensional. Richard G. Lipsey misalnya, dalam tulisan lebih banyak mengulang perkataan *keinginan (desire)* dan *kehendak (wants)*. Perkataan keperluan (*needs*) jarang digunakan. (Richard G. Lipsey :1980). Alfred Marshall, sebagai salah seorang tokoh ekonomi yang awal turut menyebut dengan jelas bahawa:

*...ekonomi adalah berhubung dengan usaha-usaha manusia untuk memenuhi kehendaknya. (Alfred Marshall : 1962).*

Amasa Walker dalam '*The Science of Wealth - a Manual of Political Economy*', ketika memberi gambaran tentang disiplin ekonomi yang dahulunya dikenali sebagai ekonomi politik menyatakan:

*"Ekonomi politik mengajar hubungan manusia terhadap perkara-perkara yang dikehendaknya. Perkara-perkara ini hanya boleh diperolehi melalui usahanya sendiri. Manusia mempunyai kehendak: dia perlu kepada makanan, pakaian dan tempat kediaman; dia juga berkehendakkan kepada banyak perkara yang tidak penting dalam hidupnya. Dalam perspektif ekonomi politik semua perkara-perkara ini membentuk kehendaknya. (Amasa Walker : 1872).*

Daripada perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa kegagalan mengawal kehendak manusia yang tidak terbatas itulah punca permasalahan sebenar ekonomi dan bukan kerana terhadapnya sumber ekonomi.

Berbeza dengan Islam, di mana persoalan kehendak adalah dititikberatkan tetapi berlandaskan syariat Allah s.w.t. . Malah berdasarkan satu hadis Nabi s.a.w, sememangnya manusia memiliki kehendak yang tidak terbatas. Imam Muslim meriwayatkan daripada Ibn Abbas R. A. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

*"Andaikata anak Adam mempunyai harta sebanyak dua lembah, maka dia akan mengharapkan untuk mempunyai harta sebanyak tiga lembah demikianlah seterusnya. Tidak akan ada yang dapat memenuhi harapan anak Adam kecuali tanah dan Allah akan menerima taubat seorang yang bertaubat. "(Al-Muslim : 1986).*

Hadith dan kisah yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa kehendak manusia dalam perspektif Islam adalah dikawal dan dikendalikan oleh tuntutan agama dan tidak dibiarkan bergerak bebas di bawah pengendalian nafsu manusia itu semata.

Islam mengamalkan kaedah yang praktikal untuk melatih dan mendidik umat dalam memelihara keharmonian sistem ekonominya (Afzalul Rahman, 1994). Dalam soal penggunaan individu muslim mesti bertindak sejajar dengan syariat agar mengamalkan penggunaan berhierarki selaras

dengan kehendak Islam. Iaitu penggunaan berasaskan keutamaan oleh pengguna muslim. (Ahmad Azrin, 2010).

### ***Analisis kajian-kajian lepas***

Kajian terdahulu terutama penulisan berkaitan teori-teori gelagat pengguna konvensional adalah banyak, namun analisis yang dibuat di barat berdasarkan andaian-andaian tertentu yang tidak bersesuaian dengan pandangan Islam (Abd. Mumin, 1993). Bukan bermakna semua yang datang daripada barat bertentangan dengan Islam. Apa yang ingin ditegaskan bahawa disiplin ekonomi Islam mempunyai identitinya sendiri berasaskan wahyu Ilahi yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW. (Basri, 2003).

Kajian-kajian lepas juga berfokus kepada tiga aspek utama. Pertama, kajian penggunaan berhierarki dari perspektif konvensional telah wujud, tetapi tidak sempurna sebagaimana yang dikehendaki dalam konteks pematuhan syariah, iaitu menepati kehendak *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam. Ini disebabkan kebanyakan kajiannya lebih tertumpu untuk mendapatkan kepuasan, utiliti serta rasionaliti. Dalam hal ini, seperti ada sedikit persamaan dan perbezaan antara konvensional dan Islam.

Kedua, aspek penggunaan berhierarki berteraskan Islam. Perbincangan dalam aspek ini melibatkan pemikir-pemikir tradisional dan kontemporari Islam yang mempunyai pendekatan berbeza. Bagi pemikir-pemikir tradisional seperti imam al-Ghazali, Ibnu Khaldun dan al-Shatibi mengolah penggunaan berhierarki berasaskan ruh sebenar yang ada dalam keilmuan Islam yang sesuai pada zamannya. Ia berbeza dengan pemikir-pemikir kontemporari yang cuba mengolah pendekatan penggunaan kononnya berteraskan Islam tetapi memakai acuan konvensional yang melibatkan konsep, prinsip, ciri-ciri dan model bertasawwurkan konvensional.

### **Metodologi**

Kajian kualitatif ini bercirikan penerokaan, deskriptif dan penjelasan atas sebab-sebab berikut. Pertama, kajian ini mengandungi ciri-ciri penerokaan kerana model konsep PBBi merupakan satu perspektif penelitian yang agak baru dalam bidang penggunaan. Kedua, kajian ini mengandungi ciri-ciri deskriptif kerana ia memberi gambaran menyeluruh kehendak sebenar Islam mengenai penggunaan dalam konteks PBBi. Ketiga, kajian ini mengandungi penjelasan kerana ia menjelaskan tahap hubung kait antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diukur.

Dalam kajian teoretikal, inti pati karya-karya yang berkaitan dikelompokkan mengikut tema-tema tertentu. Tema ini melibatkan elemen-elemen bagi pembentukan model konsep penggunaan berhierarki berteraskan Islam, iaitu tema yang membentuk model PBBi ini selari dengan kehendak Islam. Paksi utamanya ialah *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam. Dalam kata lain, teologi Islam dijadikan panduan dan kerangka asas pelaksanaan kajian ini. Sumber-sumber ilmu Islam pula dijadikan sumber rujukan utama kajian. Sumber-sumber utama ilmu dalam Islam, iaitu *al-Quran*, *al-Hadith*, *ijma' ulama'* dan *qias* menjadi tunjang kepada pelaksanaan kajian ini. Pemakaian dalil-dalil *naqli* digabungkan secara bersepadu dengan dalil-dalil '*aqli*. Sumber-sumber utama dan penggunaan dalil-dalil adalah penting bagi memastikan hasil kajian ini adalah selari dengan Islam.

### ***Kaedah pemilihan sampel kajian***

Pemilihan sampel dalam kajian ini meliputi tiga kategori, iaitu pertama, kumpulan pakar, kedua, penjelasan *tasawwur*, epistemologi, ontologi Islam dan ketiga, model konsep penggunaan berhierarki (PBBi). Pakar dirujuk bagi mengesahkan ketepatan kerangka model konsep PBBi. Pakar juga dirujuk bagi mengesahkan elemen-elemen bagi pembentukan model konsep PBBi adalah seperti yang dikehendaki oleh Islam. Sekali gus, dapat mencapai objektif kajian pertama, iaitu “mengenal pasti kedudukan teori, model penggunaan berhierarki”.

Bagi kategori menganalisis kesesuaian teori, model atau pendekatan penggunaan berhierarki berasaskan nilai *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam. Ianya mencapai objektif yang kedua, iaitu menganalisis ketepatan teori, model penggunaan berhierarki yang sedia ada berdasarkan aspek *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam. Bagi kategori cadangan membina model konsep melihat sejauhmana fungsinya ke arah menjadi penanda aras kepada kepatuhan pengguna Muslim.

### ***Kumpulan pakar (responden temu bual)***

Penglibatan pakar sebagai responden temu bual adalah bertujuan mendapatkan pengesahan mereka tentang ketepatan kerangka konsep PBBi yang diketengahkan oleh penyelidik. Ia merujuk kepada prinsip-prinsip Islam yang ideal dan berkait dengan penggunaan terutamanya, penggunaan berhierarki. Kesemua tema dan elemen yang dikenal pasti dibawa kepada sekumpulan pakar untuk diteliti ketepatannya menurut maksud kajian. Dalam hal ini, enam orang pakar dalam bidang penggunaan Islam, ahli badan bukan kerajaan (NGO), pengamal penggunaan Islam, tokoh korporat, pakar hukum dan ahli akademik telah ditemu bual secara bersemuka (*face-to-face interview*). Temu bual separa berstruktur (*semi-structured interview*) digunakan sebagai cara menyoal informen di mana soalan-soalan temua bual yang telah dikemukakan. Pengendalian temu bual secara bersemuka ini mampu menjelaskan sesuatu maksud yang kabur, sekali gus meningkatkan kerjasama antara penemubual dan responden (Sekaran, 2003). Selain catatan, rakaman video, suara telah dibuat dengan persetujuan pakar yang ditemu bual.

Temu bual dengan informen berupaya mengatasi masalah pengumpulan data yang tidak memenuhi maksud kajian kerana segala pandangan informen tertumpu kepada tema dan elemen yang telah dikenal pasti oleh penyelidik. Meskipun begitu, informen tetap berpeluang membuat penilaian atau pilihan sendiri ke atas jawapan yang akan diberikan melalui temu bual separa berstruktur seperti yang diujahkan oleh Sabtiha Marican (2005). Setiap informen diminta untuk membuat pengesahan kepada setiap penentu tema dan elemen (item-item soalan). Maklum balas daripada informen ini menjurus kepada penyingkiran, penambahan dan pengubahsuaian bagi setiap tema dan elemen yang telah dibentuk oleh penyelidik. Bagi memastikan pengesahan yang dibuat adalah bertepatan dengan maksud sebenar kajian, setiap informen yang dipilih mesti memenuhi dua syarat berikut:

Pertama, pakar-pakar yang terlibat adalah mereka yang berpengalaman luas dalam bidang *syariah* serta hukum-hakam, muamalat Islam dan aspek penggunaan. Kedua, Pakar-pakar yang terlibat adalah mereka yang terlibat secara langsung sebagai seorang yang membangunkan polisi produk

penggunaan dalam firma konsultan dan berjuang secara serius dan berterusan dalam mempertahankan hak-hak pengguna Islam, kualiti produk dari segi halal, haram, *subhah* atau aspek kemudharatan kepada pengguna atau tidak.

Justeru, kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk memilih kesemua pakar ini sebagai informen temu bual yang mewakili enam kategori, iaitu tokoh agama atau pakar hukum, pengamal, perunding, ahli NGO, tokoh korporat dan ahli akademik. Pemilihan kaedah ini dibuat berdasarkan keperluan untuk memperolehi maklumat, pandangan dan pendapat yang mendalam daripada kumpulan pakar tentang satu fenomena yang dikaji (Neuman, 2003).

Kombinasi keenam-enam kategori ini, iaitu tokoh agama (pakar hukum), pengamal, perunding, korporat, ahli NGO dan ahli akademik bertujuan mendapatkan pandangan yang lebih komprehensif tentang PBBBI. Ia tidak hanya meneliti aspek teoretikal semata-mata tetapi juga aspek praktikal yang dilakukan oleh firma konsultan dan yang diperjuangkan oleh ahli NGO.

## **Dapatan**

Hasil dapatan kajian yang telah dianalisis melalui enam orang pakar telah menghasilkan satu model konsep penggunaan berhierarki yang lebih holistik dan praktikal seperti yang dipaparkan di atas. Wujud dua sumbangan daripada penyelidikan berhierarki berteraskan Islam (PBBBI). Pertama, dari sudut teori dan yang kedua, dari sudut praktikal. Secara lebih jelas perubahan yang berlaku kepada pembinaan model konsep PBBBI dapat ditunjukkan seperti berikut:



**Jadual 1: Dapatan kajian selepas ditemu bual**

Tema	Elemen sebelum temu bual	Elemen selepas temu bual	Dapatan kajian
<i>Tasawwur</i> Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Tasawwur</i> Islam berorientasikan nilai dan matlamat penyempurnaan manusia dalam semua aspek</li> <li>• Sebagai tapak dan acuan dari segi pembangunan dan persaudaraan.</li> <li>• Konsep kekurangan relatif bercanggah dengan tiga komponen dalam <i>tasawwur</i> Islam (Allah pencipta, manusia sebagai makhluk dan sumber alam sebagai makhluk)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Tasawwur</i> memagari konsep penggunaan</li> <li>• Setiap elemen dalam <i>tasawwur</i> mesti sampai kepada maqasid syariah</li> <li>• <i>Tasawwur</i> Islam menjadi kawalan kepada pembinaan sistem ekonomi Islam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua pakar dalam bidang hukum, ekonomi Islam, pengamal, perunding serta NGO menyetujui elemen <i>tasawwur</i> sebagai acuan penting dalam pembangunan model (PBBI)</li> </ul>
Epistemologi Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Teori ilmu melahirkan kelakuan, teori dan falsafah</li> <li>• Cakupan ilmu bersangkutan pematuhan syarak, hikmat Allah Pencipta dan maksud kehidupan sebenar.</li> <li>• Sumber ilmu berdasarkan <i>al-Quran</i> dan <i>as-Sunnah</i>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunjang ilmu untuk melindungi ketidakadilan dalam perolehan dan penggunaan sumber asli.</li> <li>• Epistemologi <i>al-Quran</i> dan <i>al-Hadith</i> melakarkan dua bentuk pemikiran iaitu berkaedah tetap dan berubah.</li> <li>• Pengembangan ilmu dalam pematuhan syarak, memahami hikmat dan maksud hidup sebenar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua pakar menyetujui elemen-elemen dalam epistemologi Islam yang menjadi tema dalam pembentukan penggunaan berhierarki berteraskan Islam</li> </ul>

<p>Ontologi Islam</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemahaman hakikat metafizik dalam soal hakikat alam, manusia dan ketuhanan.</li> <li>• Islam menekankan soal supernaturalisme, spritualisme dan materialisme bukan semata materlisme.</li> <li>• Ontologi berpaksikan tiga peringkat tahap pembuktian yang berwibawa, iaitu akal fikiran (<i>ilm alyakiin</i>), (<i>'ain al yaqiin</i>) dan keyakinan yang hakiki (<i>haqqul yakiin</i>).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada perubahan, semua pakar memberi pandangan dan penghujjahan yang selari dengan hakikat <i>ontologi</i> Islam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua pakar mencapai kata sepakat dalam kefahaman <i>ontologi</i> Islam dan kepentingan menjadi acuan PBTI</li> </ul>
<p>Penggunaan mengikut keutamaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar penggunaan untuk menjaga ketidakseimbangan kekayaan masyarakat.</li> <li>• Asas penilaian manusia dalam membentuk pengguna yang adil.</li> <li>• Aktiviti penggunaan yang realistik berasaskan kemampuan sebenar pengguna bukannya kepuasan nafsu semata.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurniaan Ilahi mencukupi kecuali gagal urus berasaskan keutamaan.</li> <li>• Pengamalan konsep penggunaan berhierarki terikat dengan kemampuan, keadaan dan ekonomi semasa.</li> <li>• Model konsep yang masih terikat dengan <i>ijtihadi</i>.</li> <li>• Susunan tangga barangan dan perkhidmatan tidak berakhir dengan <i>daruriyyat</i>, <i>hajiyyat</i>, <i>tahsiniyyat</i> <i>kamaliyyat</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua pakar bersetuju dengan elemen –elemen yang diketengahkan kecuali pakar hukum mengaitkan hierarki dalam penggunaan perlu dikaitkan dengan konsep <i>ijtihadi</i>. Tangga penggunaan tidak sahaja terikat dengan <i>daruriyyat</i>, <i>hajiyyat</i>, <i>tahsiniyyat</i> <i>kamaliyyat</i> sahaja tetapi satu lagi pertambahan iaitu <i>kamaliyyat</i> tapi</li> </ul>

		<p>satu lagi penambahan iaitu <i>tarafiyat</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakar hukum menghujahkan keperluan konsep <i>ithaar</i> dalam aktiviti pengguna Muslim seperti yang dilakukan oleh Saidina Abu Bakar <i>assiddiq</i>, saidina Uthman bin Affan serta <i>assabiqu&gt;un alawallun</i></li> </ul>
Kesederhanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berasaskan cara hidup yang adil, seimbang, saksama, tidak boros dan kedekut selari dengan Islam.</li> <li>• Pengguna Muslim berintergriti sederhana.</li> <li>• Mengekalkan kehierarkian dalam penggunaan masih dianggap sederhana.</li> <li>• Pertambahan dalam pengeluaran dan pendapatan bukan alasan untuk meningkatkan penggunaan.</li> <li>• Matlamat akhir penggunaan adalah keredhaan Ilahi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kehierarkian dalam penggunaan masih bersifat mementing diri sendiri.</li> <li>• Kesederhanaan perlu diikat dengan sifat mengutamakan orang lebih daripada diri sendiri (<i>ithaar</i>)</li> <li>• Kehierarkian melahirkan pengguna suka menabung.</li> <li>• Tabungan tidak beku bahkan efektif dan produktif.</li> <li>• Menggalakkan individu berzakat dan berwakaf</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan pakar bersependapat, Pengekalan penggunaan barangan dan perkhidmatan secara berhierarki dapat meningkatkan tabungan serta mengekalkan sifat besederhana dalam penggunaan.</li> </ul>
Tabungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasil tabungan terkumpul melalui perbelanjaan berhemah berasaskan kefahaman penggunaan secara Islam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tabungan terhasil berasaskan perbelanjaan berhierarki yang diamalkan oleh pengguna Muslim yang mematuhi tata cara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua pakar bersetuju kesan kesederhanaan dalam perbelanjaan mampu</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkorban untuk orang lain menerusi penabungan wang memberi kepuasan pada diri.</li> </ul>	perbelanjaan Islam	mewujudkan tabungan.
Wakaf	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan berhierarki mewujudkan tabungan wakaf</li> <li>• Tabungan individu Muslim tidak boleh dibekukan</li> <li>• Wakaf memiliki nilai ekonomi, pelaburan serta penyelesaian masalah sosioekonomi masyarakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghayati sifat mengutamakan orang lain</li> <li>• Mencetuskan produk baru dalam institusi wakaf iaitu tunai dan wakaf korporat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Elemen wakaf adalah terhasil daripada kesederhanaan dalam penggunaan yang berupaya mewujudkan tabung sekali gus menyumbang kepada aktiviti berwakaf terutama Allah melarang hamba menyimpan beku harta tanpa melakukan aktiviti pelaburan sama ada pelaburan dunia dan akhirat (Surah al-<i>Taubah</i> ayat: 34)</li> </ul>
Konsep halal dan haram	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Zat dan penyediaan barangan halal</li> <li>• Transaksi terhadap muamalat barangan dan perkhidmatan mesti halal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Barangan halal diikuti penyembelihan halal</li> <li>• Bekas, peralatan mesti halal dan cara menyucikan halal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua pakar bersetuju kepentingan tema halal haram menjadi elemen penting dalam pembinaan model konsep PBBi</li> </ul>
Pencapaian <i>Maqasid Syariah</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencapaian matlamat utama syarak</li> <li>• Mencapai lima elemen maqasid menjaga harta, nyawa, nasab, akal dan harta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencapai maqasid harta dalam konteks pemilikan dan penggunaan yang adil</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencapaian <i>Maqasid Syariah</i> kembali semula kepada permintaan barangan mengikut hierarki</li> </ul>

			<i>daruriyyat, hajiyyat, tahsiniyyat/kama liyyat dan tarafiyyat yang beracuan dengan tasawwur Islam, epistemologi dan ontologi Islam.</i>
Keredhaan Allah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Elemen yang menjadi matlamat akhir penggunaan berhierarki berteraskan Islam (PBBi)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Elemen yang menjadi matlamat akhir penggunaan berhierarki berteraskan Islam (PBBi)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua informen bersetujuan aspek matlamat akhir penggunaan berhierarki ialah mendapat keredhaan Allah</li> </ul>

## Kesimpulan

Secara kesimpulan perbincangan penggunaan berhierarki dalam kedua-dua sistem ekonomi mengemukakan keseimbangan yang baik dalam menjaga keperluan kehidupan kepada manusia sejagat dalam penggunaan barangan dan perkhidmatan Walaupun dilihat dari sudut pelbagai pola yang wujud dalam soal kepenggunaan. namun elemen-elemen kesyukuran Islam berorientasikan *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam menjadikan matlamat penyelidikan dalam pembinaan model konsep penggunaan berhierarki menyerlahkan matlamat, falsafah serta konsep yang sama sekali berbeza dengan ekonomi konvensional yang masih mencari-mencari keidealan untuk menyumbang keadilan dalam aktiviti penggunaan.

## Rujukan

- Adam Smith (1937). *An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations*, New York : The Modern Library.
- Adiwarman Karim (2008). *Sejarah Pemikiran Islam*, Jakarta : PT RajaGrafindo Persada.
- Afred Marshall(1962). *Principle of Economics*, edisi ke 8, London : The English Language Book Society and Macmillan & Co. Ltd.
- Afzalul Rahman, (1994). *Doktrin Ekonomi Islam*, Zaharah Salleh, (terj.). Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Afzalur Rahman (1983). *Subject Index of Quran*. Jil 1-4, Lahore : Islamic Publications (PVT). Ltd.
- Ahmad al' Ayid (1989). *Al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi Mesir* : al-Mantiqah al-'Arabiyyah li-tarbiyyah wa thaqa.
- Ahmad Azrin Adnan, (2010). *Islamic Consumer Behavior : The needs for and position of its theoretical framework*. Siri kertas ISDEV, Bil.12, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia.

- Ahmad Azrin Adnan, (2012). Gelagat Pengguna Muslim : Satu Disiplin atau Sub-Disiplin, Jurnal Pengurusan 35 (2012) 139-149 UKM, Jabatan Pengurusan Perniagaan, UKM Bangi, Selangor.
- Ahmad Mahdzan Ayob (2002), Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pust.ka :
- Al Habshi, Syed Othman (1987). ‘The role ethic in economic and business : Current issues and Challenges (Seminar Ekonomi Islam di UIA, Kuala Lumpur, 6-9 Julai 1987).
- Al Jammal, Muhammad Abdul Mun’im (1997). Ensiklopedia Ekonomi Islam, Ter. Salahuddin Abdullah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Al Qaradhawi, Dr Syeikh Yusuf (1980). *Problema Kemiskinan – Apa Konsep Islam*, Pena Mas Malaysia, Johor Bahru.
- Al Sha’rawi, Muhammad Mutawalli (1991). *Tafsir al Sha’rawi*, Akhbar al Yaum, Qahirah.
- Al Suyutiy, Iman Jalal al-Din Muhamad al-Muhalliy bin Ahmad dan Iman Jalal al-Din Abd.Rahman al-Suyutiy b. Abu Bakr., (1990). *Tafsir al-Jalalain*, Bandung : Penerbit Sinar Baru., vol.11.
- Al Asqalani, Ibnu Hajar (1999). *al Fath al Bari*, Dar Manar, al Qahirah
- Al Mu’jam al Arabi al Asasi, *al Muzazzamah al Arabiyyah*.
- Al Ubadi Abd al Salam Daud (1975), *al Mikliyyah fi al Shariah al Islamiyyah*, Maktabah alAqsa al Urdun.
- Al Qurtubi (1997), *al Jami’ li ahkam al Quran*, Dar al Fikr, Beirut.
- Al Zuhaili Wahbah (1998), *al Tafsir al Munir*, Dar al Fikr, Beirut
- Alan Isaac (1998). Oxford Paper Back, *Encyclopedia*, New York : Oxford University Press.
- Alfred Marshall(1962). *Principles of Economics*, edisi ke-8, London : The English Language Book Society and MacMillan & Co. Ltd..
- Ali Shariati (1979). *Islamic View of Man*, Texas USA : Free Islamic Literatures, inc. Houston, Texas Foundation.
- Al-Lababidi (1986).*Islamic Economics : A Comparative study*, Lahore : Islamic Publication Ltd.,
- Al-Muslim(1986). *Sahih Muslim* Jil.1-1V, Abd. Hamid Siddiqi (terj.). New Delhi :Kitab Bhavan.
- Amasa Walker(1874). *The Science of Wealth – a Manual of Political Economy*, New York : Kraus Reprint Co.
- Anas al-Zarqa, (1980).’*Islamic Economics : An Approach to Human Welfare*’, dalam Khurshid Ahmad (ed). Studies in Islamic Economics., United Kingdom : The Islamic Foundation.
- Anup Shah, (2008) “*Consumption and Consumerism*” Anip Shah, Consumption and consumerism, Global Issues. Org, access date 4 November 2008.
- Aristotle, Nicomachean Ethics. Athens : Papiros (1949), Greek.
- Aulia Dzikriyati Kurnia (2010), *Analisis Teori Konsumsi Dalam Ekonomi Mikro* (Analisis Kritis dalam Perspektif Ekonomi Islam). Skripsi, Jurusan Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Fakultas Tarbiyyah, Universitas Islam Negeri (UIN), Maulana Malik Ibrahim Malang,
- Drakopoulos, 2004, *The Historical Development of Hierarchical Behavior in Economic Thought*, Journal of The History of Economic Thought, Volume 26, Number 3, September 2004.
- Engku Rabiah Engku Ali (2013), Mukhtar kewangan Islam Brunei Darulssalam 2013, anjuran *Center For Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM) and Center For Research and Training (CERT)*, 17 Jun 2013, di The Empire Hotel & Country Club, Brunei Darulssalam.